

# Kupasan dan Ulasan

## Wang Loteri Masyarakat Tetap Haramnya

Mufti kerajaan Johor, Sahib al-Faḍīlah al-Sayyid Alwi bin Thahir al-Haddad, telah memberi fatwa di dalam Warta Jabatan Agama Johor bilangan 115 menghalalkan wang loteri digunakan kerana membina masjid dan seumpamanya yang berkebakikan kepada orang-orang Islam. Beliau mendasarkan fatwanya dengan tidak didapati hak empunya harta itu (putus hak milik) maka harta itu telah berubah milik dan barang yang tadinya haram boleh jadi halal dengan sebab perubahan itu.

Di dalam memberi fatwa itu, sebagaimana kebiasaan beliau, maka beliau membidas dengan kasarnya ke atas Faḍīlah al-Ustādh al-Hāj Fadhullah Suhaimi yang telah mengeluarkan sebuah risalah tentang loteri. Cara-cara mengecilkan lawannya biasa juga dilakukan beliau. Cara yang seperti ini sepatutnya tidak keluar daripada mulut ulama-ulama terutamanya yang berkedudukan seperti beliau. Sepatutnya biarlah perbahasan itu tinggal di dalam perbahasan ilmiah – tidak menyentuh perkataan-perkataan yang mengecilkan dan menghinakan orang, apa lagi mengkafirkan dan seumpamanya ke atas orang-orang yang tidak sepele dengannya.

Ada pun fatwa beliau mengandungi sebanyak 20 muka yang tersiar di dalam Warta Jabatan Agama itu, tujuannya mengandungi lebih kurang seperti berikut:

Loteri itu haram dan wangnya pun haram (Ertinya: mengadakan, membeli, menjual dan mengambil hasilnya) adalah haram.

Barang siapa mengiktikadkan loteri dan wangnya halal adalah ia jadi kafir.

Ada barang-barang yang haram itu balik menjadi halal dengan bersebab putus hak milik atau tidak diketahui pemiliknya. Hak-hak itu termasuk hak Baitulmal. Apabila Baitulmal telah menerima harta itu dimasukkannya dalam hitungannya, atau pun tidak dimasukkannya tidaklah menjadi soal. Bahawa tiap-tiap hak wajib dibelanjakan pada maslahat orang-orang Islam adalah hak Baitulmal, sama ada harta itu haram atau halal, ia boleh digunakan kepada maslahat-maslahat termasuk mendirikan masjid.

Harta-harta haram itu dijadikan “*ḥay*”<sup>1</sup> – “yakni harta Baitulmal iaitu harta yang dikembalikan Allah kepada orang-orang Islam dengan tidak memandang kepada keadaan haramnya, kerana haramnya itu lenyap jadi seperti najis masuk ke dalam laut lebur halal dan banyak dengan ketiadaan jadi milik, sebagaimana Allah Ta‘ālā memberi kuasa kepada orang-orang Islam mendapat ghanimah daripada orang-orang Musyrikin di zaman *Rasulullah ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam.*”

Wang loteri itu tidak diketahui siapa sebenarnya orang yang empunya wang itu. Sebab kesukaran itu maka wajiblah wang itu diserahkan kepada Baitulmal maka hukumnya

<sup>1</sup> harta rampasan tanpa perang, harta peninggalan orang mati yang tidak ada pewaris dan harta karun

adalah hukum “*ḥay*”. Jadi wang yang dihimpunkan daripada hasil loteri oleh Lembaga Loteri itu harta haram yang tidak diharapkannya dapat diketahui siapa yang punya pada adatnya.

Beliau membawa keterangan al-Imām al-Ghazāliyy tentang harta yang haram yang putus hak milik mereka adalah boleh digunakan kerana membina masjid, jambatan dan sebagainya yang dapat digunakan oleh orang-orang Islam. Jika tidak ada maslahat am itu hendaklah disedekahkan kepada fakir. Yang membahagikan kepada fakir itu hendaklah dikelola oleh kadi yang tidak tamak. Harta-harta itu tidak harus dibinasakan.

Kemudian beliau membawa suatu riwayat Saydina Abū Bakar yang menang di dalam pertaruhan lalu membawa hasil pertaruhan itu kepada Rasulullah. Rasulullah menyuruh Saydina Abū Bakar mensedekahkan wang itu.

Sekianlah sebahagian daripada perkara-perkara yang dapat diambil daripada fatwa Mufti Johor yang boleh dijadikan perhatian.

### **Persoalan di Hadapan Kita**

Persoalan yang kita hadapi sekarang adalah seperti ini: Kita ketahui bahawa loteri diadakan dengan tidak keredaan umat Islam – dipaksakan. Kemudian ia dikelola oleh suatu badan – badan itu semata-mata mengelola harta haram yang disepakati haramnya. Kemudian pengelola harta itu tidak pula menyusun atau mengelolakan harta itu dibahagikan (disedekahkan) dengan kemahuannya.

Sebelum saya menunjukkan betapa terbasasnya beliau meletakkan fatwanya ke atas suatu kedudukan yang lain masalahnya maka di sini saya cuba membawa perhatian di atas fatwa-fatwa beliau yang didasarkan semata-mata ke atas pendapat ulama-ulama. Kita adalah menjunjung ketinggian ilmu ulama-ulama yang beliau berikan pendapat mereka itu tetapi kita suka menarik perhatian bagaimanakah dapat dibanding suatu kenyataan yang

sebegitu terang yang didasarkan kepada Kitāb Allāh dan al-Sunnah yang telah mengharamkan loteri dengan nyata nyata-nyatanya kemudian cahaya yang sebegitu terang hendak diterangi pula oleh pendapat ulama-ulama yang hanya mempunyai cahaya pancarannya yang sebegitu kecil, dengan cahaya al-Qur’ān dan al-Sunnah – seperti cahaya lampu seribu watt berbanding dengan cahaya lilin yang kecil.

Di dalam fatwa-fatwa mufti yang mengambil pendapat-pendapat ulama-ulama ini dapat dilihat bahawa di sana hanya disebut bahawa harta-harta ghanimah, harta-harta yang tidak diketahui hak-haknya yang tepat siapa yang punya dan seumpamanya yang disebut beliau adalah barang-barang itu, walaupun asalnya haram, ia hendaklah dimasukkan ke dalam Baitulmal dan harta-harta itu boleh dibahagikan kepada maslahat-maslahat Islam. Perseumpamaannya yang diberi beliau ialah seperti najis masuk ke dalam laut ia akan lebur jadi halal dan baik dengan ketiadaan jadi milik.

Beliau membawa pula persoalan riwayat Saydina Abū Bakar dengan kemenangan di dalam pertaruhan lalu diperintahkan oleh Nabī supaya disedekahkan. Di dalam meriwayatkan ini beliau tidak pula menyatakan adakah kejadian itu berlaku sesudah turun wahyu mengharamkan judi itu ataupun sebelumnya. Pada hal sepanjang yang diketahui bahawa kejadian itu berlaku sebelum turun ayat mengharamkan judi yang seumpama loteri itu.

Pendapat ulama-ulama yang dikemukakan oleh beliau itu tidaklah dapat menghapuskan ketetapan haram wang-wang loteri yang ditentukan oleh *al-Qur’ān* dan al-Sunnah kerana keadaan yang dibentangkan oleh ulama itu berlainan daripada apa yang berlaku di hadapan kita hari ini.

Sepatutnya sebelum memberi fatwanya hendaklah beliau mengenal sungguh akan perkara yang menjadi persoalan di hadapan mata kita sekarang. Beliau barangkali tidak mengenal perkaranya sehingga beliau harus memberi fatwa yang didasarkannya kepada pendapat-pendapat ulama-ulama itu kepada lain daripada perkaranya.

Kita mesti mengetahui bahawa Tanah Melayu sekalipun nama pemerintahannya pemerintahan Islam tetapi ia bukan kerajaan Islam. Ia tidak mempunyai Baitulmal seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Kerajaan beramal dengan amalan yang 'āṣiy<sup>2</sup> dengan menjalankan perbuatan-perbuatan yang diharamkan seperti mengadakan loteri. Loteri yang diharamkan itu sentiasa berjalan – tidak ditegah daripada menjalankannya.

Kemudian harta-harta (wang-wang) loteri itu dikumpul di dalam suatu badan yang berkuasa penuh untuk mengelola harta haram yang terbitnya dari satu punca sahaja. Kedudukannya tidak seperti Baitulmal, membahagikan harta itu dengan kehendaknya sendiri (dengan kekuasaan yang ada padanya) kepada bahagian-bahagian yang berkenaan tetapi ia hanya memberikan harta haram itu kepada orang-orang yang meminta yang termasuk di dalamnya kerana membina masjid.

Pekerjaan dan usaha mengumpulkan barang yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, mengadakan loteri masyarakat, adalah berjalan terus – tidak diharamkan oleh kerajaan. Kalau kerajaan, kerajaan Islam atau agama Islam sebagai agama rasminya maka wajib baginya menghalang perbuatan-perbuatan yang ditegah oleh agama tetapi dalam keadaan sekarang, zahir, kerajaan menggalakkan dengan meneruskan usaha yang diharamkan ini. Dengan itu maka tidaklah tepat fatwa Mufti kepada persoalan-persoalan yang dibawanya dengan mengqiyaskan pendapat-pendapat ulama kepada harta yang pemutus hak milik di dalamnya.

### **Kesimpulan**

Melihat kepada loteri digalakkan, dan dijalankan dengan anjuran dan kuatkuasa kerajaan serta berjalan terus dan melihat kepada kedudukan kerajaan bukan seperti kerajaan Islam dan tidak mempunyai harta-harta Baitulmal seperti yang dikehendaki oleh kerajaan Islam; dan melihat

pula bahawa pendapatan harta yang haram itu sengaja diusahakan dengan mengetahui haramnya menjalankan loteri itu dan terus dijalankan maka kiasan kepada perkara terhapusnya hak milik dan seumpamanya yang disebut alasan-alasannya oleh Mufti Johor itu tidak kena-mengena sama sekali dan tidak boleh dipakai sama sekali.

Harta itu tidak dibahagikan sebelum diminta dan harta itu tidak terhimpun di dalam perbendaharaan kerajaan (ertinya ia dikawal oleh suatu badan yang tidak mencampurkan harta itu dengan harta lain). Orang yang hendak membina masjid umpamanya telah mengetahui bahawa wang itu wang yang dipungut dan diambil dengan cara haram yang hukumnya haram dengan tidak dapat didalihkan akan haramnya – ia meminta kerana membinanya daripada wang haram yang diusahakan mencarinya dengan berkepanjangan dan tidak dapat disamakan keadaannya dengan ghanimah.

Dengan memandang kepada peringatan agama bahawa hendaklah ditentukan dengan jelas di antara yang haram dan yang halal dan menjauhkan daripada harta-harta yang ada syubhah di dalamnya maka saya (dan sahabat-sahabat saya yang telah membahas perkara ini dengan mendalam), berpendapat bahawa wang loteri itu wang terang haramnya, yang disengaja dicari dan digalakkan padanya – adalah haram digunakan kepada membuat masjid dan lain perkara yang mengenai Islam.

Mudah-mudahan keterangan saya yang dibantu oleh beberapa orang ulama sahabat-sahabat saya di Singapura diterima dan diharap, terutamanya orang-orang yang hendak membina Bayt Allāh tidak sekali-kali menggunakan wang yang nyata haramnya yang sengaja dan digalakkan melakukannya – tidak ada tegahan padanya. Binalah Bayt Allāh (masjid) dengan takwa sebagaimana yang kita dikehendaki membinanya.

**Edrus**

---

<sup>2</sup> maksiat, berdosa, buruk